

Ada yang mudah dijerat hutang berlarutan

► **ATIYAH MOHD SAID**
atiyahm@sph.com.sg

MASYARAKAT Melayu berisiko tinggi terjebak dalam masalah hutang yang berterusan kerana kurang bijak mendapatkan bantuan.

Selain faktor berbelanja di luar kemampuan, semakin ramai warga Melayu yang terjejas ekoran pasaran pekerjaan yang disusun semula di samping kadar pertumbuhan gaji sebenar yang perlahan, kata beberapa kaunselor dan penasihat kewangan setempat.

Mereka juga berpendapat secara umumnya, warga Singapura semakin cenderung menggunakan kemudahan kredit untuk membiayai gaya hidup mereka, sekali gus menimbulkan trend berbelanja yang membimbangkan.

Baru-baru ini, Biro Kredit Singapura (CBS) mendedahkan jumlah pengguna yang lewat membayar pinjaman peribadi dan hutang kad kredit bagi tempoh dua bulan atau lebih, meningkat kepada 62,830 orang pada Julai lalu berbanding 55,726 dalam tempoh sama tahun lalu.

Meskipun tiada perangkaan terperinci bagi masyarakat Melayu, para kaunselor berkongsi, terdapat lebih banyak kes hutang yang 'kronik' di kalangan golongan Melayu.

Mantan presiden Persatuan Karyawan Khidmat Kewangan, Encik Leong Sze Hian, yang juga kaunselor hutang, berkata:

"Daripada 100 yang datang mendapat bantuan, paling sedikit, 20 adalah orang Melayu. Ini agak tinggi kerana warga Melayu menyumbang kepada 13 peratus daripada jumlah keseluruhan warga setempat.

"Hakikatnya, ramai di antara masyarakat Melayu juga kurang bijak mendapatkan bantuan apabila dalam masalah berbanding bangsa lain," ujar-nya.

Tambahnya, selain sikap suka berbelanja berlebihan, ramai pekerja Melayu juga tersepit kerana terjejas oleh pasaran kerja yang disusun semula kerana lebih banyak syarikat mendapatkan khidmat firma luar untuk menjalankan tugas-tugas tertentu, kata Encik Leong.

"Misalnya, jawatan posmen, yang lazimnya diisi orang Melayu, kini banyak berdasarkan kontrak, yang bermakna gaji dan faedah pekerjaan berkurangan lantas menjejaskan pendapatan sesebuah keluarga.

"Ini satu cara bagi firma-firma menyusun semula operasi mereka ekoran sekitaran perniagaan yang berubah tetapi ia menggugat para pekerja. Saya tidak fikir keadaan ini akan berubah dengan mendadak. Jadi, masyarakat Melayu mungkin akan terus bergelut dengan isu hutang kerana kos sara hidup yang akan terus melambung," jelas beliau.

Bersetuju, Penasihat Pusat Penasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP) yang juga Pengarah Pengurusan Kekayaan Financial Alliance, Encik Sani Hamid, berkata lebih banyak pekerjaan bergaji rendah, yang lazimnya diisi Melayu, terjejas.

"Tetapi banyak hutang orang Melayu juga berkaitan dengan firma peminjam wang kerana ramai golongan ini tidak layak mendapatkan pinjaman bank. Justeru dengan kadar faedah tinggi, mereka akan terus terceptit.

"Cabarannya juga masyarakat kita masih tidak celik pengurusan kewangan. Jika mereka ada pengetahuan, ramai tentunya tidak akan pinjam duit hanya untuk ubatan atau yuran sekolah sekali gus tidak terjebak dalam masalah hutang," katanya.

Turut membimbangkan ialah trend umum bahawa warga setempat lebih cenderung menggunakan kredit untuk membiayai gaya hidup mereka, tekan Presiden Pusat Kaunseling Kredit (CCS), Encik Kuo How Nam.

"Menggunakan hutang kad kredit bukanlah pilihan baik kerana caj faedah sangat tinggi dan sangat sukar untuk keluar daripada perangkap hutang.

"Ini akan meletakkan individu dalam risiko tinggi untuk jatuh mufliis dan tekanan kerana bimbang tentang pembayaran hutang dan tuntutan pembayaran oleh para kreditor," ujar beliau.